

03/10/2003

Pertikai negara Islam isu basi

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin menyifatkan tindakan Pas mempertikaikan status Malaysia sebagai negara Islam sebagai isu basi.

"Carilah cerita lain sebab isu ini sudah basi. Malaysia kini menjadi rujukan 57 negara Islam di seluruh dunia berkaitan pelbagai isu terutama hal ehwal antarabangsa.

"Oleh itu, tak perlu lagi mereka buang masa dan mempertikaikan status Malaysia lagi.

"Malah, kedudukan Malaysia sebagai negara Islam contoh dan disegani dibuktikan apabila kita bukan saja bercakap kosong dalam hal berkaitan Islam, melaungkan slogan retorik atau pekikan untuk menaikkan semangat, sebaliknya kita ada agenda, program sistematik dan praktikal yang mudah diterima pakai semua pihak tanpa menyakiti hati sesiapa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan majlis pra pelancaran Karnival Amal Jariah Antarabangsa 2003 yang akan berlangsung mulai 16 dan 19 Oktober ini di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau tidak terkejut dengan percanggahan pendapat di kalangan pemimpin Pas berhubung penubuhan negara Islam kerana perkara itu bukanlah matlamat parti berkenaan.

Dr Mahathir berkata, pemimpin Pas memperalatkan Islam untuk memancing undi demi kepentingan politik, sedangkan tindak-tanduk pemimpinnya langsung tidak mencerminkan Islam seperti memaki orang, melempar fitnah dan mendakwa Tuhan mencarut.

Percanggahan pendapat mengenai negara Islam itu membabitkan Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali dengan Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Mustafa dalam temu bual pada program Hardtalk, British Broadcasting Corporation (BBC) berkata, negara Islam bukan objektif dalam perlembagaan Pas, sebaliknya media menggunakan istilah negara Islam untuk menakutkan orang bukan Islam.

Bagaimanapun, Hadi kelmarin mengulangi bahawa Pas tetap dengan pendiriannya untuk menubuhkan negara Islam dengan mewartakan Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) d negeri yang dikuasainya.